

# **Pemikiran Lambak Sebagai Rintangan Kemajuan \***

*oleh*

Mohamed Imran Mohamed Taib

“Here is one fact which, whether for good or ill, is of utmost importance in the public life of Europe at the present moment. This fact is the accession of the masses to complete social power. As the masses, by definition, neither should nor can direct their own personal existence, and still less rule society in general, this fact means that actually Europe is suffering from the greatest crisis that can afflict peoples, nations, and civilisation. Such a crisis has occurred more than once in history. Its characteristics and its consequences are well known. So also is its name. It is called the rebellion of the masses.”

- Jose Ortega y Gasset

## **Pengenalan**

Masyarakat moden hari ini boleh dikatakan telah mencapai kemajuan besar di dalam pelbagai bidang, terutama yang bersifat material. Pencapaian sains dan teknologi telah membantu meringankan beban serta meningkatkan taraf hidup bagi sebahagian masyarakat, walaupun pembahagiannya jelas tidak seimbang. Namun, kemajuan sesuatu masyarakat tidak seharusnya diukur dari aspek material. Kemajuan membawa makna yang lebih luas, merangkumi segala aspek kehidupan seperti kebudayaan, agama, ekonomi, politik dan pemikiran. Aspek-aspek ini tidak boleh kita abaikan di dalam mengukur sejauh mana sesuatu masyarakat boleh dikatakan telah maju.

Apabila kita membincangkan soal-soal kemajuan, kita tidak seharusnya mengabaikan juga persoalan kemunduran. Ramai di antara pemimpin masyarakat yang hanya mahu memperkatakan aspek-aspek kemajuan tanpa mahu mempermasalahkan aspek-aspek yang menyekat kemajuan. Seringkali, kita lari daripada menghadapi ‘brute facts’ kerana ianya memerlukan pertanggungjawaban yang tidak diinginkan oleh mereka yang sudah selesa dengan kuasa dan posisi sosial di dalam masyarakat.

---

\* Kertas kerja ini dibentangkan pada Sesi Wacana dan Pembacaan bersama para siswazah jurusan agama pada 15 Ogos 2007, di Ibn Khaldun Room, Muis @ Toa Payoh.

Esei ringkas ini bertujuan membincangkan salah satu rintangan kemajuan yang bersifat sosio-psikologikal, iaitu gejala pemikiran lambak seperti mana yang pernah dikupas oleh pemikir Sepanyol abad ke-20, Jose Ortega y Gasset. Ortega merupakan salah seorang tokoh aliran falsafah eksistensialisme yang sensitif terhadap proses dehumanisasi yang dihadapi manusia sewaktu berlangsungnya proses kemodenan. Analisis Ortega di dalam bukunya *Revolt of the Masses* [Pemberontakan Manusia Lambak] amat berpengaruh dan masih relevan di dalam membedah persoalan kemunduran pemikiran yang berleluasa di dalam masyarakat hari ini. Buku ini juga merupakan satu protes terhadap proses pembiadaban [*vulgarization*] dan penyerataan [*leveling down*] yang sedang berlangsung di dalam banyak aspek kehidupan politik, sosial, agama dan pemikiran masyarakat moden.<sup>1</sup>

### **Manusia Lambak Sebagai Konstruk Sosiologis**

Menurut Ortega, secara sosiologis, masyarakat dapat dibahagikan kepada dua kelompok: (1) minoriti, dan (2) massa. Secara umum pula, kelompok minoriti seringkali merupakan kumpulan atau individu berbakat/berkebolehan (*qualified*) yang tidak dimiliki oleh kelompok massa.<sup>2</sup> Dari pembahagian ini, kita dapat mengidentifikasikan antara jenis manusia yang memiliki bakat atau kebolehan tertentu (yang biasanya kecil jumlahnya) dengan jenis manusia yang dianggap ‘sederhana’ atau ‘biasa’ (*average*). Jadi, Ortega cuba merumuskan fakta sosiologis ini kepada satu penilaian, iaitu daripada fakta kuantitatif kepada penilaian kualitatif. Ortega menjelaskan:

“The mass is the average man. In this way what was mere quantity – the multitude – is converted into a qualitative determination: it becomes the common social quality, man as undifferentiated from other men, but as repeating in himself a generic type.”<sup>3</sup>

Daripada rumusan sosiologis ini, Ortega mengajukan satu konsep sosio-psikologis, iaitu konsep manusia lambak (*mass-man*).<sup>4</sup> Namun, apakah yang dimaksudkan dengan ‘lambak’ itu? Menurut Ortega,

“The mass is all that which sets no value on itself – good or ill – based on specific grounds, but which feels itself “just like everybody,” and nevertheless

is not concerned about it; is, in fact, quite happy to feel itself as one with everybody else.”<sup>5</sup>

Sebagai penggunaan, istilah ‘manusia lambak’ itu tidak bermaksud ‘ramai’. Sindrom pelambakan ini boleh terjadi secara individu.<sup>6</sup> Pada masa yang sama, ‘lambak’ tidak bermaksud ‘tiada bakat atau upaya’. Menurut Ortega, sekiranya seseorang itu telah mencuba dan mengukur dirinya pada suatu standard dan akhirnya berpendapat dirinya tiada upaya dan kebolehan, dia bukannya ‘manusia lambak’.<sup>7</sup> Sebaliknya pula, lawan ‘manusia lambak’ bukanlah seseorang yang angkuh dan merasakan dirinya superior daripada manusia-manusia lain. Yang Ortega maksudkan sebagai manusia lambak itu ialah mereka yang tidak meletakkan usaha bagi mempertingkatkan diri dan lebih senang mengikut arus:

“For there is no doubt that the most radical division that it is possible to make of humanity is that which splits it into two classes of creatures: those who make great demands on themselves, piling up difficulties and duties; and those who demand nothing special of themselves, but for whom to live is to be every moment what they already are, without imposing on themselves any effort towards perfection; mere buoys that float on the waves.”

### **Manusia Lambak Sebagai Krisis Peradaban**

Persoalan yang timbul melalui identifikasi jenis manusia lambak ini ialah kaitannya dengan kemajuan dan kemunduran sesuatu masyarakat. Menurut Ortega, Eropah sedang mengalami suatu gejala pelambakan di mana institusi-institusi masyarakat telah dipenuhi dan dikuasai oleh mereka yang vulgar dan berfikiran lambak. Mereka ini memaparkan ciri-ciri berikut:

- (1) Tiada “ideals of cultural excellence” dan lebih senang bersifat “mediocre”.
- (2) Tidak berkelayakan tetapi angkuh menganggap dirinya mampu dan berhak membuat keputusan untuk yang lain.
- (3) Tidak mahu mengikut atau menghormati otoritas; sebaliknya, menganggap dirinya sebagai otoritas yang perlu diikuti oleh semua orang.<sup>8</sup>
- (4) Menganggap diri, terutama cara berfikirnya, sebagai sempurna dan tidak merasakan perlu untuk meningkatkan pengetahuan atau diri. Dalam erti kata lain, mindanya tertutup dan kalau pun dia mahu mendengar idea atau pendapat lain, dia hanya akan

- menerimanya sekiranya pendapat itu membenarkan (*confirm*) apa yang telah dia setuju atau pegang.<sup>9</sup> Inilah punca sebenar yang membuatnya angkuh dan tidak mahu mengukur dirinya pada standard yang lebih tinggi.<sup>10</sup>
- (5) Mempunyai '*tendency to impose*' segala apa yang berasal dari pemikiran dan selernya sendiri.<sup>11</sup>
  - (6) Tidak toleran terhadap mereka yang berbeza darinya mahupun mereka yang meletakkan ideal yang lebih tinggi darinya. Dalam erti kata lain, dia lebih senang mengikut arus dan mahukan yang lain juga mengikut sepertinya. Dalam pada itu, keunikan diri selaku individu lenyap di tengah-tengah massa.
  - (7) Berkelakuan seperti "*spoilt child of human civilisation*". Kondisi ini terjadi atas sebab "*free expansion of his vital desires*" dan "*radical ingratitude towards all that has made possible the ease of his existence.*"<sup>12</sup> Jadi, walaupun manusia lambak ini memikirkan soal-soal kebajikan dirinya, dia tetap daif akan faktor-faktor yang membolehkan dia menikmati kebajikan itu. Di dalam demokrasi moden, manusia lambak ini juga lebih senang bersuka-ria dan menikmati hasil pencapaian sains dan teknologi tanpa mahu memikirkan usaha dan lelah manusia cemerlang pada masa lalu yang membolehkan perkembangan sains dan teknologi tersebut.
  - (8) Mempunyai idea atau pemikiran yang tidak autentik. Walaupun dia mahu (malah meminta-minta) diberi ruang mengutarakan pendapatnya sendiri, dia tidak akan dan tidak mahu menerima segala kaitan dan konsekuen pemikiran yang mendasari setiap pendapat.
  - (9) Tidak mempunyai semangat "*great historic duties*". Tambahan lagi, dia tidak mempunyai visi, tidak mempunyai pemikiran kreatif, dan tidak mempunyai program hidup. Dalam erti kata lain, dia tidak mempunyai kemahuan meningkatkan standard yang sedia ada dalam diri mahupun masyarakat.

Ciri-ciri manusia lambak yang telah Ortega bincangkan semestinya melambangkan suatu krisis yang perlu ditangani. Secara lumrah, manusia lambak akan menyama-ratakan pencapaian peradaban yang kita nikmati atas usaha-usaha dan buah pemikiran manusia cemerlang masa lampau. Manusia lambak ini juga tidak merasa segan dan silu untuk menginjak-injak dan mengesampingkan segala sesuatu yang tidak mengikut selera atau kemahuan mereka. Manusia lambak ini juga akan melenyapkan individu-individu yang cuba

menyampaikan sesuatu yang berbeza dari apa yang berlambak di dalam masyarakat. Walaupun tidak mempunyai standard apa jua pun, manusia lambak ini merasakan dirinya penting dan layak meng-*'impose'* pemikiran dan selera mereka, serta mengadili segala sesuatu yang bukan bidang kemahirannya. Oleh kerana inilah, sindrom manusia lambak ini amat berbahaya dan boleh meruntuhkan peradaban seperti mana yang dikupas oleh Ortega.

## Rumusan

Jika kita perhatikan, gejala manusia lambak ini telah pun berleluasa di dalam masyarakat moden. Sindrom manusia lambak itu sendiri dapat kita lihat di dalam kelompok atau individu tertentu yang menjadi elit di dalam masyarakat. Manusia lambak ini memanasifestasikan diri mereka di dalam segala bidang: kebudayaan, politik, pendidikan, agama, dan sebagainya.

Seringkali, kita dapat mengenalpasti sindrom manusia lambak ini melalui perbuatan dan ucapan mereka. Sebagai contoh, penulis pernah mendengar, seorang mahasiswa merungut dan mengatakan seorang cendekiawan tersohor dan terkemuka sebagai “tidak bagus dan merepek” kerana dia tidak memahami apa yang cuba disampaikan oleh tokoh tersebut. Jadi, yang menjadi masalah bukanlah pemahaman siswazah tersebut yang masih cetek dan belum sampai pada tahap keilmuan tokoh tersebut; sebaliknya, siswazah itu mahu tokoh tersebut membawa tahap ilmunya turun kepada standard siswazah itu. Seiringan dengan itu, penulis juga pernah ketemu aktivis-aktivis masyarakat yang begitu beriya-iyanya memberikan pendapat dan mengadili sesuatu pemikiran atau tokohnya walaupun mereka ini belum pernah membaca atau meneliti tulisan-tulisan tokoh tersebut.

Di dalam bidang agama juga, penulis mengenali beberapa tokoh agamawan yang begitu bersemangat mengadili dan mengeluarkan pendapat mengenai banyak perkara – daripada isu-isu perlembagaan, demokrasi, sekularisme, modernisasi dan liberalisme, kepada isu-isu sains, Darwinisme, evolusi, astronomi dan sebagainya – walaupun mereka ini setakat lulusan sarjana muda dalam bidang bahasa Arab dan Sastera (atau bidang-bidang lain) dan tidak pernah membaca buku-buku ilmiah mengenai isu-isu yang dibincangkan, mahupun mengenali tokoh-tokoh dunia ilmiah yang membahaskan isu-isu tersebut. Pada masa yang sama juga, penulis juga mengenali beberapa aktivis berpendidikan sekuler dari pertubuhan-

pertubuhan agama yang begitu mudah memberikan “fatwa-fatwa” dan mengabsolutkan pendapat mereka sendiri (“Islam kata...”) tanpa merasakan perlu memberikan dalil-dalil dan hujah-hujah yang kuat. Mereka ini juga belum pernah membaca mahupun mengkaji tulisan-tulisan para pemikir, sarjana dan ulama’ Islam klasik dan moden. Kalaupun mereka ini menukil pendapat para tokoh, ianya setakat untuk memberi legitimasi kepada apa yang telah mereka yakini.

Satu lagi contoh ketara sindrom manusia lambak ialah di dalam bidang pendidikan. Bagaimana mungkin seorang guru yang seharusnya menyemai sifat cinta ilmu dan mahukan anak-anak muridnya berbincang mengenai perkara-perkara intelektual, sendirinya tiada selera berdiskusi akan masalah-masalah substantif, malas membaca, tidak mahu mengikuti perkembangan dunia dan masyarakatnya, dan tiada minat memikirkan soal-soal penting dalam masyarakatnya? Bagaimana pula contoh pemimpin masyarakat dan para inteligentsia yang begitu berkeyakinan memberikan pendapat di dalam forum-forum masyarakat, sibuk mengadakan mesyuarat-mesyuarat membincangkan hal-hal masyarakat dan bersemangat mahu mencorak masa depan masyarakat; walhal, mereka ini tidak minat membaca, lebih gemarkan pada bentuk dari isi sesuatu program (seperti lokasi mewah, hiasan, dan sebagainya), jarang menghadiri majlis-majlis ilmu oleh tokoh-tokoh terkemuka yang membincangkan isu-isu penting, lebih pentingkan “soundbites” dan penampilan di media-media massa daripada kandungan pemikiran yang mendalam, dan sebagainya? Termasuk juga di dalam kategori ini, para wartawan yang asyik menulis dan mengamati isu-isu semasa tanpa memikirkan isu tersebut secara mendalam. Salah satu contoh yang penulis pernah jumpa ialah seorang penulis muda yang cuba mengupas situasi di Selatan Thai walaupun dia belum pernah mengkaji sejarah konflik Selatan Thai mahupun mengenali seorang pun dari daerah itu. Cuba bayangkan juga para ‘pengamat terorisme’ yang muncul bak cendawan akhir-akhir ini. Mereka inilah yang akan membentuk pemikiran masyarakat, menggariskan inti wacana dan mempengaruhi penggubalan dasar-dasar pemerintah. Seperti yang pernah diperkatakan Ortega, manusia lambaklah yang menguasai dunia hari ini.

Oleh itu, kemajuan dan kemunduran sesuatu masyarakat tergantung kepada elit yang berkuasa dan mempunyai akses kepada ‘resource’ masyarakat. Jikalau kelompok elit itu didominasi oleh apa yang disebut oleh Ortega sebagai “the noble man” atau “man of

excellence” (dalam erti kata lain, berwawasan), masyarakat akan berada di landasan kemajuan. Sekiranya elit itu didominasi oleh jenis manusia lambak, masyarakat yang cuba dipimpin akan didatangi pelbagai masalah dan akan rosak.

Analisis Ortega yang tajam akan kondisi Eropah pada pertengahan abad ke-20 masih relevan direnung dan difikirkan oleh generasi muda yang akan menerajui kepimpinan kelak – tidak kira di dalam apa jua bidang: politik, ekonomi, agama, kebudayaan, dan sebagainya. Generasi muda inilah juga yang harus didedahkan pada bahayanya sindrom manusia lambak yang akan merosakkan dan meruntuhkan peradaban.

“To my mind, anyone who does not realize this curious moral situation of the masses can understand nothing of what is to-day beginning to happen in the world.”<sup>13</sup>

\*\*\*\*\*

## Nota Akhir

---

Ω Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Sdr. Azhar Ibrahim Alwee kerana bantuan nota-nota yang diberikan berkaitan tulisan Jose Ortega y Gasset. Saya mula diperkenalkan pada buku dan pemikiran Ortega oleh Dr. Noor Aisha dalam kuliahnya, "Youths, Dynamism and Islam" pada 2 Jun 2002, di Seminar 'Islam and Its Challenges: Challenges Facing Youths in Da'wah,' anjuran Darul Arqam Singapura. Atas bimbingan Sdr. Azhar, saya mula mendalami persoalan 'manusia lambak' melalui sesi perbincangan buku 'The Revolt of the Masses' pada tahun yang sama bersama teman-teman The Reading Group. Semenjak itu, saya sering berdiskusi mengenai gejala ini bersama Sdr. Azhar di dalam konteks masyarakat Melayu dan pemikiran keagamaan.

<sup>1</sup> Jose Ortega bukan pemikir pertama yang membangkitkan soal pengaruh pemikiran lambak di dalam kehidupan moden. Di antara analisis terawal ialah pengajuan konsep 'the crowd' oleh pemikir Denmark, Soren Kierkegaard (1813-1855), dan konsep 'herd-instinct' oleh pemikir Jerman, Friedrich Nietzsche (1844-1900). Mungkin, kajian sistematik terawal mengenai gejala manusia lambak ialah buku tulisan Gustave Le Bon, *The Crowd: A Study of the Popular Mind*. (1896). Kajian buku ini telah dipergunakan oleh Hitler dan Mussolini untuk memanipulasi pemikiran massa. Terdapat juga variasi analisis persoalan manusia dan masyarakat lambak di dalam tulisan-tulisan pemikir mazhab Frankfurt (Frankfurt School) seperti Erich Fromm, *Escape from Freedom* (1941); Max Horkheimer, *Eclipse of Reason* (1947); Theodor W. Adorno, *The Authoritarian Personality* (1950); dan Herbert Marcuse, *One-Dimensional Man* (1964). Beberapa pemikir lain pula menerapkan persoalan manusia lambak di dalam konteks pergerakan massa, seperti Eric Hoffer, *The True Believer: Thoughts on the Nature of Mass Movements* (1951), dan konteks spesifik kehidupan masyarakat Amerika, seperti David Riesman, *The Lonely Crowd: A Study of the Changing American Character* (1950).

<sup>2</sup> Perlu dinyatakan di sini bahawa 'massa' tidak membawa erti 'golongan pekerja' (working class) seperti dalam rangka analisis struktur kelas, iaitu pembahagian masyarakat kepada golongan burjois dan pekerja. Juga, ianya bukan penggolongan antara kelas atasan dan bawahan.

<sup>3</sup> Jose Ortega y. Gasset, *The Revolt of the Masses*, ms. 13.

<sup>4</sup> 'Lambak' di sini harus dibezakan daripada 'ramai'. Dua konsep ini jelas berbeza kerana 'lambak' merupakan penilaian kualitatif sementara 'ramai' hanya suatu pandangan kuantitatif.

<sup>5</sup> Ortega, *op. cit.*, ms. 14.

<sup>6</sup> Ortega menulis: "Strictly speaking, the mass, as a psychological fact, can be defined without waiting for individuals to appear in mass formation. In the presence of one individual we can decide whether he is "mass" or not." (*Revolt of the Masses*, ms. 14)

<sup>7</sup> Ortega, *op. cit.*, ms. 15.

<sup>8</sup> Ortega menulis: "The mass-man would never have accepted authority external to himself had not his surroundings violently forced him to do so. As to-day his surroundings do not so force him, the everlasting mass-man, true to his character, ceases to appeal to other authority and feels himself lord of his own existence." (*Revolt of the Masses*, ms. 63)

<sup>9</sup> Ortega menganggap sifat 'kesempurnaan minda' ini sebagai punca mindanya tertutup dan tidak mahu menerima pendapat lain yang bertentangan dengan apa yang telah dia percaya atau pegang selama ini. Jelas Ortega: "It is precisely what I mean by having one's soul obliterated, hermetically closed. Here it would be the special case of intellectual hermetism. The individual finds himself already with a stock of ideas. He decides to content himself with them and to consider himself intellectually complete. As he feels the lack of nothing outside himself, he settles down definitely amid his mental furniture. Such is the mechanism of self-obliteration." (*Revolt of the Masses*, ms. 68-69)



---

<sup>10</sup> Menurut Ortega, apabila manusia melihat “moral and intellectual endowment as excellent, complete”, ini akan membuatnya menutup dirinya “from any external court of appeal; not to listen, not to submit his opinions to judgment, not to consider others’ existence. His intimate feeling of power urges him always to exercise predominance.” (*Revolt of the Masses*, ms. 97)

<sup>11</sup> Ortega menulis: “He is satisfied with himself exactly as he is. Ingenuously, without any need of being vain, as the most natural thing in the world, he will tend to consider and affirm as good everything he finds within himself: opinions, appetites, preferences, tastes.” (*Revolt of the Masses*, ms. 62)

<sup>12</sup> Ortega, *op. cit.*, 58.

<sup>13</sup> *Ibid.*, ms. 23.

---

## Daftar Pustaka

Azhar Ibrahim Alwee. "Ortega y Gasset." Department of Malay Studies, National University of Singapore. Unpublished paper.

David Riesman. *The Lonely Crowd: A Study of the Changing American Character*. Yale University Press, 1950, r.1965.

Elias Canetti. *Crowds and Power*. New York: Farrar, Straus and Giroux, 1962, r.1984.

Erich Fromm. *Escape from Freedom*. New York: Owl Books, 1941, r.1994.

Eric Hoffer. *The True Believer: Thoughts on the Nature of Mass Movements*. Harper Perennial Modern Classics, 1951, r.2002.

Hannah Arendt. *The Origins of Totalitarianism*. New York: Harvest, 1968, r.1976.

Howard N. Tuttle. *The Crowd is Untruth: The Existential Critique of Mass Society in the Thought of Kierkegaard, Nietzsche, Heidegger, and Ortega y Gasset*. New York: Peter Lang, 1996.

Jose Ortega y Gasset. *The Revolt of the Masses*. New York & London: W.W. Norton & Company, 1932, r.1993.

Soren Kierkegaard, *The Present Age*. USA: Harper and Row Publishers, tr. 1962.

Gustave Le Bon. *The Crowd: A Study of the Popular Mind*. New York: Dover, 1896, r.2002.

Noor Aisha Abdul Rahman, "Youths, Dynamism and Islam." Seminar paper presented at *Islam and Its Challenges: Challenges Facing Youths in Da'wah*. Organised by 'The Muslim Converts' Association of Singapore. 2 June 2002.

Syed Hussein Alatas. *Intellectuals in Developing Society*. London: Frank Cass, 1977.

Theodor W. Adorno, et.al. *The Authoritarian Personality*. New York: Harper and Row, 1950.

Walter Kaufmann. *Existentialism from Dostoevsky to Sartre*. New York: Plume, 1956, r.1975.